

**ULASAN BUKU: MOHAMMAD REEVANY BUSTAMI,
SURWANDONO, ALI MAKSUM, RITA WIDIASTUTIK. (2021).
*MATRIKS PERDAMAIAIN: TEORI BERKEMBAR HUBUNGAN
INDONESIA-MALAYSIA. PRODI MAGISTER ILMU HUBUNGAN
INTERNASIONAL. PROGRAM PASCASARJANA.
UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH YOGYAKARTA.*
HLM. 198. ISBN: 978-602-52966-6-6**

RAMLI DOLLAH

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,

Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

Corresponding author: ramlid@ums.edu.my

Tarikh dihantar: 6/2/2021 / Tarikh diterima: 29/6/2021

Buku ini ditulis oleh beberapa orang sarjana dan peneliti prolifik di Indonesia dan Malaysia. Dalam kata pengantar, salah seorang penulis buku ini menyebutkan bahawa buku ini berakar dari sebuah lagi karya mereka iaitu *Why are We Angry at Them* (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Indonesia. Beberapa karya para penulis terdahulu amat penting dalam memahami karya ini kerana ia memberikan gambaran langsung kepada keseluruhan perbincangan dalam penulisan ini. Sebelum memulakan pengulasan tentang buku ini, dipetik kata-kata Roland Barthes, salah seorang sarjana tersohor Perancis yang menyebut *The Death of the Author*. Kata-kata ini dipetik kerana perbincangan dalam ulasan ini terhad kepada bagaimana interpretasi buku ini dilakukan. Interpretasi ini adalah berasaskan kepada pemahaman, ilmu dan kaca mata pengulas sendiri. Dalam hal ini, mungkin maksud yang difahami daripada membaca teks ini berbeza dengan maksud sebenar yang cuba disampaikan oleh para penulis.

Buku ini dimulakan dengan bait-bait sajak yang menggambarkan Alam Nusantara sebagai sebuah wilayah budaya yang mempunyai ikatan yang kuat. Walaupun dipisahkan oleh laut yang luas, kerajaan, sejarah dan aktor yang berbeza, ia mempunyai identiti dan ciri sepunya yang hampir sama. Namun, kedatangan kolonial (dibaca *perampok*) ini mula mengungkapkan dan merubah simpulan ikatan serumpun, sedarah dan sekeluarga yang sekian lama terbentuk. Ia mula dipisahkan atau berlaku identifikasi-semula oleh para kolonial untuk wujud berbeza. Nusantara adalah lambang kebersamaan. Penulis melihat bahawa ia perlu diremajakan semula.

Perbincangan dalam buku ini memfokuskan kepada hubungan ‘makro’ Malaysia-Indonesia. Ia melihat bahawa hubungan ini sering dikaitkan dengan “narasi masalah” dalam semua aspek hubungan makro tersebut, sama ada melibatkan isu perbatasan, budaya dan sukan. Penulis menghujahkan bahawa wacana keharmonian tidak diberikan perhatian, malahan hampir hilang daripada radar politik dan media terutamanya di Indonesia.

Dalam membincangkan ‘narasi masalah’ ini, penulis melihat bahawa keadaan ini disebabkan oleh dua faktor utama, pertama, faktor geografi yang berkait dengan faktor kedekatan geografi; dan, kedua, faktor kebersamaan dalam banyak aspek misalnya kebudayaan, makanan dan identiti. Namun, sebelum sekali lagi menggantikembali *Politics of Memory* dalam hubungan kedua-dua negara ini dengan melihat kepada “Sundaland” dan “era Suharto”. Kedua-dua era ini dilihat sangat penting dalam hubungan Malaysia-Indonesia di mana ia ditandai dengan keharmonian antara kedua-dua buah negara. Hal ini merupakan bukti di mana hubungan Malaysia-Indonesia sebenarnya bukanlah merupakan masalah seperti yang difahami dalam media massa dan majoriti wacana akademik pada hari ini.

Walau bagaimanapun, berbeza dengan dekad kebelakangan ini di mana hubungan kedua-dua negara mula kelihatan agak bermasalah. Persoalannya kenapa hal ini berlaku? Kenapa konflik? *Why are we angry at them?* Persoalan inilah yang menjadi asas kepada teks ini. Dengan kata lain, penulis berusaha menjelaskan fenomena ini? Mereka menanyakan, apakah beberapa isu yang berlaku ini disebabkan oleh masyarakat Indonesia? Atau adakah terdapat unsur/aktor lain misalnya *politicians* atau media untuk mencapai kepentingan-kepentingan tertentu?

Dalam usaha menjawab persoalan ini, penulis memperkenalkan Matriks Berkembar G-M-P (G-M-P Twin Matriks) atau penulis kenali sebagai Matriks Perdamaian untuk menganalisis beberapa isu dalam hubungan Malaysia-Indonesia ini. Apa itu Matriks Berkembar G-M-P. Ia merujuk kepada Tekanan Kerajaan (G), Liputan Negatif Media (M) dan Perhatian Publik (P) dalam mempengaruhi sentimen masyarakat dan publik dalam isu-isu yang berbangkit. Dalam membincangkan model ini, penulis menggunakan lima kajian kes utama iaitu 1) isu Ambalat, 2) Persengketaan produk budaya

melibatkan isu Tarian Pendet, Tarian Tor-Tor dan Tarian Kuda Kepang/Kuda Lumping; 3) Tenaga Kerja Indonesia di Malaysia yang melibatkan tiga kajian kes utama iaitu isu Penyanderaan TKI, isu Penembakan TKI dan pengambilan organ dan TKI berkahwin di negara asing; 4) Isu usaha yang melibatkan persaingan di antara syarikat minyak Pertamina vs Petronas milik Malaysia dan persaingan syarikat penerbangan antara Air Asia vs Batavia Air; dan, 5) Kerjasama antara sarjana (*Intellectual Relations*) di Malaysia-Indonesia.

Berdasarkan kes-kes ini, para penulis mendapati bahawa terdapat tipologi yang berbeza ke atas kes-kes yang dibincangkan berdasarkan kepada Model GMP terbabit. Dalam kes Ambalat dan isu eksloitasi TKI misalnya, ketiga-tiga elemen ini menunjukkan trend yang tinggi. Sementara itu, dalam kes kerjasama intelektual kedua-dua negara ini, didapati bahawa pemerintah dan media kurang berminat kepada isu tersebut, tetapi publik menunjukkan sentimen yang tinggi ke atas isu tersebut. Dalam kes persaingan perusahaan, pemerintah dilihat menunjukkan perhatian yang tinggi ke atas isu tersebut, tetapi media tidak memberikan perhatian dan sentimen publik juga kelihatan neutral terhadap isu tersebut. Dalam kes penembakan TKI dan pengambilan organ, media dilihat memainkan isu tersebut tetapi tidak mendapat perhatian Pemerintah (G) dan Publik (P). Secara ringkasnya, penulis menghujahkan bahawa berdasarkan tipologi ini, jelas menunjukkan bahawa wujudnya hubungan kerajaan-kerajaan (G-G) yang semakin baik di antara kedua negara. Namun, hubungan penduduk-penduduk (P-P) semakin kurang baik dan dipengaruhi oleh pengaruh dan tekanan media yang sering memainkan isu tersebut.

Jelasnya, penulis melihat bahawa trend yang berlaku ini perlu ditangani dengan baik. Dalam hal ini, penulis melihat bahawa peranan Nusantara, persaudaraan dan keserumpunan ini perlu menjadi alat penyatu. Untuk tujuan tersebut, mereka mencadangkan agar beberapa tindakan diambil oleh kedua-dua pihak dalam menjernihkan hubungan ini antaranya adalah seperti meningkatkan kerjasama media Indonesia-Malaysia, pemerintah kedua-dua negara perlu mengawal penyiaran berita yang boleh memudaratkan; menggalakkan kerjasama yang kukuh antara rakyat (P-P) menerusi pelbagai program sosial, akademik; meningkatkan kerjasama budaya antara masyarakat (P-P); dan, meningkatkan kerja sama dalam bidang pendidikan.

Sumbangan

Secara amnya, buku ini perlu dibaca oleh pelajar dan peneliti yang ingin mengkaji hubungan Malaysia-Indonesia di paras makro. Hal ini demikian kerana, teks ini menyediakan teori dan kajian kes yang sangat menarik untuk diteliti. Jelasnya, teks ini menyediakan kerangka dalam hubungan Malaysia-Indonesia. Ia merupakan percubaan yang berani ahli akademik di Nusantara. Bagi pengulas, hal ini sebenarnya yang perlu dilakukan oleh sarjana di wilayah Nusantara ini. Sebelum ini para orientalis (Anderson, Scott, Warren) datang ke rantau ini untuk memahami isu ini. Hujah dan konsep yang mereka kembangkan digunakan secara meluas untuk memahami rantau ini. Walau bagaimanapun, selepas lebih 40-50 tahun tiba masanya peneliti di rantau ini menilai semula konsep dan teori yang dikembangkan oleh pengkaji Barat.

Di samping itu, teks ini turut menyediakan kajian empirikal yang komprehensif terutamanya dalam memahami isu-isu ‘teras’ hubungan M-I pada tahap makro. Dengan kata yang lebih mudah, buku ini menyediakan menu kepada pengkaji yang ingin meneliti hubungan Malaysia-Indonesia kerana sejak 20 tahun yang lepas, kajian tentang hubungan Malaysia-Indonesia ditentukan oleh isu-isu tersebut. Di satu segi lagi, pengulas melihat bahawa teks ini memberikan sumbangan empirikal yang besar dalam memahami bagaimana “faktor domestik” menentukan dasar luar sesebuah negara, terutamanya dasar Indonesia ke atas Malaysia. Hal ini sekali gus mencabar pendekatan neo-realistic atau struktural realisme dalam memahami dasar luar sesebuah negara.

Kritikan

Walaupun teks ini menyumbang dari satu segi, tetapi terdapat juga beberapa kritikan ke atas karya ini. Salah satunya adalah berkait dengan model Matriks Perdamaian yang dibincangkan dalam teks ini. Bagi pengulas, model ini tidak boleh *detach* daripada dunia luar atau kerangka yang sedia ada. Ia perlu mengaitkan konsep ini dengan kajian yang lebih awal dan menjawab beberapa persoalan sama ada kajian awal ini gagal (atau kurang berjaya) dalam menjelaskan fenomena hubungan yang sedia ada. Walaupun para penulis menjelaskan kajian ini yang masih di peringkat awal, tetapi isu ini

tidak boleh dipandang enteng. Oleh itu, dicadangkan agar pengembangan model ini selepas ini perlu bermula daripada konsep/teori yang sedia ada. Dengan kata lain, ia perlu bermula daripada kerangka yang sedia ada bagi meletakkan kajian ini dalam konteks *corpus ilmu* yang sepatutnya.

Hakikatnya, tidak dapat dinafikan bahawa mahu atau tidak, suka atau benci, para pengkaji perlu mengakui bahawa Barat (Eropah) merupakan pusat kepada ilmu pada hari ini. Konsep nasionalisme (*nationalism*), negara bangsa (*nation-states*), demokrasi, hak-asasi manusia (*human rights*), kebebasan (*freedom*), dan beberapa idea yang digunakan secara meluas di Asia sebenarnya berasal dari Barat dan dikuatkan melalui fenomena globalisasi. Hal ini sekali gus menjelaskan bahawa kajian ini perlu melihat kajian akademik yang dikembangkan di Barat sebagai respons kepada pengenalan konsep/model yang ingin dikembangkan tersebut. Ia juga akan dapat membantu para penulis teks ini untuk memahami model yang mereka kembangkan di luar daripada kerangka hubungan Malaysia-Indonesia, sekali gus meletakkan kajian mereka sebaris dengan kajian yang dikembangkan di Barat.

Akhir sekali, kajian ini mampu menjelaskan fenomena di aras makro dalam hubungan Malaysia-Indonesia. Namun, beberapa persoalan dan isu yang berlaku pada aras mikro masih tidak dapat digarap oleh model tersebut. Misalnya hubungan ekonomi di sempadan, interaksi penduduk yang menghuni perbatasan dan beberapa isu lain menjelaskan bahawa hubungan antara negara ini tidak boleh difahami menggunakan kerangka yang sedia ada kerana ia memerlukan kajian spesifik yang bersifat etnografi untuk memahami fenomena tersebut. Antara isu tersebut termasuklah masalah persempadanan (perbatasan), masalah Tenaga Kerja Indonesia (TKI), isu persengketaan produk budaya dan sebagainya.

